

Berdoa agar musuh Islam tumpas di Gaza

Muslim boleh berusaha ubah kemungkaran dengan tangan atau hanya melalui hati

STILAH iman cukup tidak asing kepada umat Islam. Dari kalimah al-amn, ia bermakna tiada rasa takut. Secara loghat iman bermaksud membenarkan, mengiktiraf dan mengakui sesuatu tanpa ada keraguan. Syarak memberi erti iman sebagai membenarkan dengan hati secara putus (jazam) akan segala yang dibawa atau didatangkan Allah melalui Rasulullah SAW.

Tujuan diturunkan al-Quran dan utusan Rasulullah SAW semata-mata untuk menyeru manusia supaya beriman. Bagi orang beriman, Allah menegaskan di dalam al-Quran dalam Surah Al-Araf, ayat 157, bermaksud: "Maka orang beriman kepada-Nya, menolong-Nya dan mengikuti cahaya terang diturunkan kepadanya (al-Quran) merekalah orang yang beruntung."

Al-Quran menerangkan dengan keimanan itulah timbulnya kebenaran dan jika sebaliknya, seseorang itu sanggup melakukan perkara tidak dihalalkan Allah. Iman Muslimin dan Muslimat ialah membenarkan segala perintah Allah dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan semua larangan-Nya.

Hakikat ini dijelaskan dalam al-Quran dalam Surah Al-Mu'min, ayat 58, bermaksud, "Dan tidak sama (di antara) orang buta dan orang dapat melihat: Dan tidak (juga sama) orang beriman serta mengerjakan amal saleh dengan orang durhaka. Sedikit sekali orang yang mengambil peringatan."

Keimanan umat Islam di Gaza yang kekal utuh sehingga jasad dilumatkan oleh keganasan rejim Zionis menyedarkan kita sememangnya kehidupan di dunia ini penuh dengan ujian dan dugaan daripada Allah. Ujian sama ada kesenangan,

kesusahan dan penderitaan bertujuan menguji keimanan, ketakwaan dan kesabaran seorang Muslim.

Allah berfirman dalam Surah Al-'Ankabuut, ayat 2-3, bermaksud, "Patutkah manusia menyangka mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata, "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji dengan sesuatu cubaan? Dan demi sesungguhnya! Kami menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka dengan ujian itu, nyata apa yang diketahui Allah orang yang sebenarnya beriman dan nyata pula apa yang diketahuinya mengenai orang yang berdusta."

Justeru, apabila seseorang Muslim menerima ujian dan dugaan dalam kehidupannya di dunia ini sama ada kehilangan jiwa, harta benda dan anggota badan, tetapi yang paling menyakitkan ialah gangguan dari musuh Islam.

Tidak hairanlah juga apabila Presiden Palestin, Mahmud Abbas, menuduh Israel cuba "melenyapkan" bangsa Palestin di Gaza apabila enggan menamatkan peperangan di wilayah itu selepas lebih kurang 20 hari mereka mengganas dan membunuh hampir 1,000 rakyat Palestin.

Jika kita imbas sejarah Islam, umat Muslimin sememangnya tidak terlepas daripada menerima ujian dan dugaan yang banyak sejak zaman Rasulullah SAW, bahkan ia berterusan pada zaman Khalifah Islam dan hari ini saudara kita berada di Palestin disiksa dengan bom dan peluru yang bertamu setiap saat, mereka bukan saja kehilangan orang yang dikasihinya tetapi mereka kehilangan segala-galanya melainkan akidah kepada Yang Esa terpahat erat jauh di sudut hati.

Allah berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 186 bermaksud: "Demi



WANITA Palestin hanya mampu menyelamatkan harta benda dari kediamannya selepas dibedil askar Israel di Gaza.

sesungguhnya kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya kamu akan mendengar dari orang yang dibirikan kitab daripada kamu dan orang yang musyrik. Banyak tuduhan dan cacian yang menyakitkan hati. Jika kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."

Ketika umat Islam yang lain di

seluruh dunia tidak tahu apa yang patut dilakukan untuk menyelamatkan mereka yang dizalimi di Palestin, saudara kita di sana terus dibakar hidup-hidup tanpa ada belas dan simpati, hatta anak kecil yang baru lahir sekalipun tidak bisa mengundangi kasih binatang yang bertopengkan manusia. Mereka terus disiksa dan menyakitkan umat Islam di sana, sedikit sebanyak memberi petanda tiada apa yang mampu menyekat kehen-

dak dan kemahuan mereka, jika itu yang mereka mahukan.

Apalah yang mampu diterajui hak asasi manusia jika ia dilaungkan sekadar menambat hati saja, bukan sungguh-sungguh ingin membuktikan bahawa manusia memang tidak layak dibunuh oleh sesiapa, melainkan kerana hukuman atas perbuatan jahatnya. Namun mereka terus membunuh manusia tanpa ada hak asasi yang membela, entah bila pula mereka menerima hukuman yang sepatutnya.

Jelas serangan Israel ke atas wilayah Palestin di Gaza adalah tindakan yang mencabuli undang-undang antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia, undang-undang kemanusiaan antarabangsa, piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ia adalah jenayah perang yang menyalahi Konvensyen Keempat Geneva 1949 Perlindungan Orang Awam Dalam Masa Perang dan mereka mesti dihukum jika benar undang-undang itu diiktiraf.

Biar tidak mampu menyelamatkan umat Islam di Gaza, saudara seagama yang pastinya menanti dan terus menanti kunjungan, bantuan dan huluran tangan yang boleh membawa mereka jauh dari kejahatan manusia yang berkuasa di dunia, dapatlah kiranya terus berdoa dan berdoa supaya musuh Islam itu dihancurkan oleh-Nya sekelip mata.

Nabi Muhammad SAW bersabda bermaksud, "Siapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendak ia ubah dengan tangannya. Jika tidak mampu maka dengan lisannya dan jika tidak mampu maka dengan hatinya, dan itu adalah selemah-lemah iman." (Hadis Riwayat Muslim dari Abu Sa'id Al-Khudri r.a)